

**TEKS UCAPAN Y.A.A DATO' SERI UTAMA
TENGKU MAIMUN TUAN MAT SEMPENA MAJLIS
MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA
HAKIM BESAR MALAYA, HAKIM MAHKAMAH
PERSEKUTUAN, HAKIM MAHKAMAH RAYUAN DAN
HAKIM MAHKAMAH TINGGI PADA 8 OGOS 2019,
DI DEWAN PERSIDANGAN
ARAS 1,
ISTANA KEHAKIMAN, PUTRAJAYA.**

Bismillahirrahanirrahim

Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Maarop
Presiden Mahkamah Rayuan dan Yang Berbahagia Puan Sri
Datin Zainon binti Haji Zainuddin;

Yang Amat Arif Tan Sri Dato Sri Azhar bin Mohamed, Hakim
Besar Malaya dan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri
Aminah bin Hj Mohd Yusof;

Yang Amat Arif Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah
Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan,
Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi;

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Haji Shad Saleem Faruqi
Ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;

Yang Berbahagia Datuk Abdul Fareed Abdul Gafoor
Presiden Majlis Peguam Malaysia;

Yang Berusaha Tuan Ahmad Terrirudin Mohd. Salleh
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia;

Yang Berusaha Puan Adibah Al-Husna binti Abdul Rahim
Timbalan Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;

Pengurusan Tertinggi, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia;

Para tetamu; Pegawai-pegawai Kehakiman; Wakil-wakil Media; Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera;

[1] Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua, dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia, Hakim Besar Malaya, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi pada petang ini.

[2] Bagi pihak Badan Kehakiman, saya menjunjung kasih atas limpah perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atas pelantikan –

Y.A.A Tan Sri Dato' Seri Azahar bin Mohamed sebagai
Hakim Besar Malaya

(i) Y.A Datuk Vernon Ong Lam Kiat; dan

(ii) Y.A Dato' Abdul Rahman bin Sebli;

sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan;

(i) Y.A Dato' Lee Swee Seng;

(ii) Y.A Datuk Hajah Azizah Haji Nawawi;

(iii) Y.A Datuk Vazeer Alam Mydin Meera; dan

(iv) Y.A Tuan Ravinthran a/l N. Paramaguru

sebagai Hakim Mahkamah Rayuan;

(i) Y.A Dato' Roslan Haji Abu Bakar;

(ii) Y.A Dato' Abdul Wahab Mohamed;

(iii) Y.A Dato' Hassan Abdul Ghani;

(iv) Y.A Puan Chan Jit Li;

(v) Y.A Dato' Muhammad Jamil Hussin;

(vi) Y.A Dato' Wan Ahmad Farid Wan Salleh; dan

(vii) Y.A. Dato' Khadijah Idris

sebagai Hakim Mahkamah Tinggi

[3] Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, kerana telah menerima cadangan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman berkaitan dengan pelantikan ini.

[4] Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Badan Kehakiman ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada YAA dan Yang Arif-Yang Arif atas pelantikan ini. Saya percaya bahawa pelantikan ini merupakan satu detik bersejarah dalam kerjaya YAA dan Yang Arif-Yang Arif dan juga merupakan satu kebanggaan kepada keluarga YAA dan Yang Arif-Yang Arif.

Hadirin yang saya hormati sekalian;

[5] Pemilihan hakim-hakim yang dilantik pada petang ini telah dibuat oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman melalui suatu proses yang adil dan telus, yang mana

keputusan adalah secara kolektif oleh anggota-anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Proses pemilihan bagi pelantikan hakim-hakim dari Pesuruhjaya Kehakiman ke Hakim Mahkamah Tinggi, dari Hakim Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan dan dari Mahkamah Rayuan ke Mahkamah Persekutuan adalah berdasarkan kepada kriteria pemilihan yang termaktub dalam seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009, antara lain kriteria yang berikut:

- (a) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
- (c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam bidang penulisan undang-undang;
- (d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (e) kesihatan fizikal dan mental.

[6] Mengikut subseksyen 3 seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, seseorang yang merupakan hakim atau pesuruhjaya kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum ditulis yang terlewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman itu disifatkan cukup tempoh.

[7] Berhubung kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang; serta kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; antara perkara-perkara yang diteliti oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah jumlah alasan penghakiman yang ditulis, baik yang diterbitkan mahupun yang tidak diterbitkan; jumlah kes-kes yang dilupuskan dan jumlah penghakiman yang tertunggak yang melebihi tempoh masa yang ditetapkan. Kesimpulannya, penilaian pemilihan adalah berdasarkan kepada sikap atau keperibadian kehakiman serta prestasi perkhidmatan seseorang hakim.

[8] Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman juga memberi penekanan kepada faktor kepelbagaian dalam pelantikan hakim-hakim. Ini bagi memastikan Badan Kehakiman Malaysia mempunyai komposisi hakim yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam pelbagai bidang undang-undang sama ada daripada sektor awam mahupun swasta.

[9] Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman telah membuat ketetapan dasar bahawa seseorang hakim hendaklah mempunyai pengalaman sebagai seorang hakim perbicaraan sebelum dilantik menjadi Hakim Mahkamah Rayuan atau Hakim Mahkamah Persekutuan. Seperti kita semua sedia maklum, Mahkamah Tinggi ialah mahkamah perbicaraan di mana hakim perlu mendengar dan mencatatkan keterangan saksi-saksi dan mengendalikan prosiding dari awal hingga ke akhir kes. Tidak dapat dinafikan bahawa pengalaman perbicaraan adalah merupakan satu perkara penting bagi seseorang hakim.

[10] Selain itu, penilaian perlu dibuat sama ada seseorang itu mempunyai sikap kehakiman ("*judicial temperament*")

yang sesuai. Seseorang itu mungkin mempunyai pengetahuan, pengalaman atau kepakaran dalam bidang undang-undang tertentu, tetapi itu tidak dapat menentukan sama ada beliau mempunyai *judicial temperamaent* yang sesuai. Sama ada seseorang itu mempunyai *judicial temperament* yang sesuai hanya boleh dinilai jika beliau pernah bertugas sebagai hakim perbicaraan.

[11] Seterusnya, penilaian juga perlu dibuat sama ada seseorang itu berkeupayaan untuk menyelesaikan dan melupuskan kes-kes yang telah ditetapkan untuk perbicaraan di Mahkamahannya. Keupayaan untuk melupuskan dan menyelesaikan kes-kes banyak bergantung kepada keberanian hakim untk membuat keputusan, kebolehan untuk membuat penilaian tentang fakta dan pemakaian undang-undang yang berkaitan, kepada fakta yang dibuktikan.

[12] Kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan melibatkan pelbagai isu dalam pelbagai bidang undang-undang merangkumi undang-

undang sivil dan jenayah. Justeru, adalah penting bagi seseorang hakim mempunyai pengalaman sebagai hakim perbicaraan di Mahkamah Tinggi yang mengendalikan pelbagai kes sivil dan jenayah, sebelum dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan atau Hakim Mahkamah Persekutuan.

[13] Seseorang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang undang-undang tertentu, boleh dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman untuk diletakkan di landasan laju ("*fast track*") bagi dilantik ke mahkamah yang lebih tinggi sekiranya beliau telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam menyelesaikan dan melupuskan kes-kes yang ditugaskan kepadanya dan telah menulis alasan penghakiman yang berkualiti serta mempunyai "*judicial temperament*" yang sesuai.

[14] Jawatan hakim ialah suatu jawatan yang teristimewa berbanding dengan jawatan-jawatan awam yang lain kerana para hakim berada dalam kedudukan untuk menghakimi insan yang lain ("*to judge fellow human beings*"). Profesor

Undang-Undang Jeffery M Shaman menyatakan seperti berikut tentang kuasa seseorang hakim dalam sesuatu masyarakat:

“Judges are important public officials whose authority reaches every corner of society. Judges resolve disputes between people, and interpret and apply the law by which we live. Through that process, they define our rights and responsibilities, determines the distribution of vast amount of public and private resources, and direct the actions of officials in other branches of government.” (lihat **Sharman, Jeffery M., “Judicial Ethics”, Geo J Legal Ethics** 2 [1988]1).

[15] Memandangkan jawatan yang disandang oleh para hakim memberinya kuasa yang luas, maka adalah menjadi keperluan untuk mereka sentiasa menjaga disiplin sendiri pada tahap yang tinggi. Dalam hubungan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk memperkatakan tiga tunggak penting yang mesti dihayati oleh para hakim, iaitu pertama

kebebasan kehakiman; kedua integriti dan ketiga saksama dan tidak berpihak.

(a) Kebebasan Kehakiman

[16] Kebebasan institusi kehakiman adalah komponen penting dalam sistem kehakiman dan perundangan sebuah negara demokrasi seperti Malaysia yang mendokong prinsip kedaulatan undang-undang ("*Rule of Law*"). Berdasarkan prinsip pengasingan kuasa ("*the separation of powers*"), kebebasan kehakiman adalah terpakai kepada institusi kehakiman sebagai satu sistem dan juga kepada para hakim secara individu. Para hakim hendaklah berupaya untuk melaksanakan tugas-tugas profesional mereka bebas dari apa-apa pengaruh, dorongan, tekanan, ancaman atau gangguan, sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada pihak eksekutif, legislatif, hakim-hakim kanan (sama ada hakim-hakim kanan dari pengurusan tertinggi Badan Kehakiman atau hakim-hakim kanan lain), pemegang-pemegang taruh ("*stakeholders*"), atau kumpulan yang mempunyai kepentingan ekonomi atau politik.

[17] Adalah perlu ditegaskan – kerana sering kali terdapat salah faham – bahawa prinsip kebebasan kehakiman bukanlah bertujuan untuk faedah para hakim secara peribadi tetapi bertujuan untuk melindungi kepentingan rakyat agar keputusan yang dibuat oleh para hakim tidak berpihak (“*biased*”), saksama dan menurut undang-undang. *The independence of the judiciary and judges is not a privilege of the judicial branch, but it is the right of citizens that decisions are made without delay and independently of the legislative and executive branches and other influences by an independent and impartial court constituted by law. Judicial independence is thus a responsibility imposed on judges in order to allow them to make judicial decisions fairly and impartially and on the basis of the law and the evaluation of evidence, without external pressures or influence and indeed without fear of any interference.*

[18] Saya menyeru dan mengingatkan para hakim agar sentiasa mempertahankan kebebasan dan melindungi Badan Kehakiman dan tidak membenarkan apa-apa pencerobohan dibuat oleh mana-mana pihak atas apa-apa

sebab sekalipun, yang boleh menjejaskan kebebasan para hakim melaksanakan tugas mereka.

[19] Adalah perlu juga ditegaskan bahawa apabila para hakim membuat keputusan yang tidak berpihak kepada kerajaan, contohnya apabila mahkamah mengisytiharkan sesuatu undang-undang yang digubal oleh Parlimen tidak berperlembagaan dan batal, ini tidak bermakna bahawa Badan Kehakiman atau para hakim lebih berkuasa daripada Parlimen atau Eksekutif, tetapi Badan Kehakiman hanya melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis lain. Badan Kehakiman adalah merupakan salah satu daripada tiga cabang yang sama rata. Sebagaimana yang dikatakan oleh Tun Salleh Abbas (Ketua Hakim Negara pada masa itu) dalam artikel bertajuk; *“The Role of the Independent Judiciary”* 17 Disember 1988: *When the judiciary decided against the authority there is no question of it being superior to Parliament or the Executive: the three branches are co-equal partners, each branch being like the leg of a three-legged stool. When the judiciary decides against the authority it is simply doing its duty under the Constitution*

which expresses the will of the people just when it decides for the authority.”.

(b) Integriti

[20] Tunggak kedua yang mesti dihayati oleh para hakim adalah integriti. Para hakim adalah “*the public face of justice*”. Oleh yang demikian, para hakim hendaklah pada setiap masa, berkelakuan dengan cara yang boleh mencerminkan kebebasan dan integriti Badan Kehakiman.

[21] Para hakim adalah tertakluk kepada kekangan pelakuan-pelakuan tertentu seperti yang diperuntukkan dalam Kod Etika Hakim 2009, yang mungkin pada pandangan orang biasa membebankan. Dalam hubungan ini, adalah penting untuk para hakim memastikan agar pelakuannya semasa melaksanakan tugas kehakiman atau aktiviti luarnya tidak menimbulkan keraguan munasabah tentang keupayaan untuk bertindak dengan saksama

sebagai seorang hakim atau mengganggu pelaksanaan wajar tugas-tugas kehakimannya.

[22] Dalam hubungan ini, saya ingin mengingatkan para hakim agar mengelakkan hubungan rapat dengan anggota profesion perundangan seperti Peguam, Timbalan Pendakwa Raya, Peguam Persekutuan yang mempunyai kes di hadapan mereka. Adalah tidak wajar untuk menjemput mereka memasuki kamar hakim tanpa kehadiran pihak lain, walaupun mereka adalah kawan rapat hakim tersebut. Ini adalah kerana perkara demikian mungkin boleh menimbulkan syak atau tanggapan pilih kasih yang munasabah. Saya mendapat laporan bahawa hal ini berlaku di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen. Saya menasihatkan agar perbuatan ini dihentikan serta merta.

[23] Saya ingin menegaskan bahawa Badan Kehakiman memandang serius tohmahan rasuah yang dikatakan berlaku di kalangan para hakim, terutama di peringkat mahkamah bawahan. Badan Kehakiman telah mengambil

pelbagai langkah pencegahan sebagai usaha menangani gejala rasuah ini.

[24] Saya telah mengarahkan agar Pekeliling Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2012 yang menghendaki supaya seseorang hakim mengisytiharkan semua asetnya apabila mula dilantik atau pada bila-bila masa yang dikehendaki berbuat demikian oleh Ketua Hakim Negara, dilaksanakan secara berkesan dan mana-mana hakim yang gagal mematuhi pekeliling tersebut akan diambil tindakan sewajarnya. Arahan yang sama telah diberikan kepada Ketua Pendaftar berkaitan pengisytiharan harta oleh pegawai-pegawai kehakiman. Sekiranya sumber pemerolehan aset tersebut diragukan dan terdapat bukti bahawa ia diperolehi secara tidak sah, rujukan akan dibuat kepada pihak yang berkaitan, termasuklah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk diambil tindakan susulan sewajarnya. Badan Kehakiman tidak akan bertolak ansur atau melindungi mana-mana hakim atau pegawai-pegawai kehakiman yang terlibat dalam perbuatan rasuah atau salah laku serius yang lain.

(c) Saksama dan tidak berpihak

[25] Tunggak yang seterusnya adalah saksama dan tidak berpihak. Saya ada menerima beberapa aduan bertulis terhadap para hakim. Namun saya dapati asas kepada aduan tersebut kesemuanya adalah kerana pengadu tidak berpuas hati dengan keputusan hakim yang tidak memihak kepadanya. Hakikat bahawa pengadu kalah dalam sesuatu kes tidak dengan sendirinya menunjukkan hakim tidak saksama dan berpihak kerana dalam setiap kes yang diputuskan oleh hakim, pasti satu pihak akan kalah. Aduan-aduan terhadap keputusan yang dibuat oleh hakim berkenaan yang tidak berpihak kepada pengadu tidak mewajarnya saya mengambil tindakan susulan. Ini kerana mengikut proses undang-undang, pihak yang terkilan dengan keputusan hakim berkenaan boleh membuat rayuan terhadap keputusan tersebut ke Mahkamah yang lebih tinggi. Sekiranya rayuan dibuat dan telah diputuskan oleh Mahkamah yang lebih tinggi, keputusan itu adalah muktamad dan perlu diterima oleh pihak berkenaan. Saya

tidak boleh mencampuri keputusan yang telah dibuat mengikut proses undang-undang.

[26] Ada desas desus tentang salah laku hakim tertentu yang tidak berkaitan dengan keputusan sesuatu kes tetapi saya tidak menerima sebarang aduan bertulis mengenainya. Saya memberi jaminan bahawa aduan sedemikian, jika mempunyai asas, akan diambil tindakan sewajarnya oleh Badan Kehakiman, dengan kerjasama pihak berkaitan, untuk menyiasat dan mencari kebenaran tentang aduan tersebut.

[27] Sebagai kesimpulan bolehlah dikatakan bahawa prestasi para hakim dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sedikit sebanyak bergantung kepada keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap sistem pentadbiran keadilan yang dikendalikan oleh Badan Kehakiman. Badan Kehakiman hanya akan mendapat keyakinan, kepercayaan dan sokongan orang awam jika para hakim menjalankan tugasnya secara jujur dengan

mematuhi standard etika yang telah ditetapkan dan mempunyai integriti yang tinggi.

Penutup

[28] Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada YAA dan Yang Arif-Yang Arif yang baru sahaja dilantik ke jawatan masing-masing sebentar tadi.

[29] Saya berharap YAA dan Yang Arif-Yang Arif akan terus berusaha untuk memperkasa dan meningkatkan lagi prestasi dan martabat Badan Kehakiman Malaysia.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.